



IIUM in the News

You are Here [Home](#) » [2023](#) » [December](#) » [13](#) »

DEBAT BAHASA ARAB TERBUKA ANTARABANGSA: UIAM TAMPIL JUARA KALI KETIGA BERTURUT-TURUT



InNews (Print)





ANTARABANGSA: UIAM TAMPIL JUARA KALI KETIGA BERTURUT-TURUT

⌚ 3 min read

Oleh Mohamad Ikmal Hakimi Mohamad Helni

Pasukan Debat Bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sekali lagi muncul sebagai juara dalam Pertandingan Debat Bahasa Arab Terbuka Antarabangsa UIAM 2023 atau lebih dikenali sebagai *IIUM International Arabic Debate Open (IIADO) 2023*.



IIADO merupakan sebuah pertandingan debat Bahasa Arab peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Pusat Debat dan Oratori Dunia (IWON) UIAM dengan kerjasama Pusat Debat Qatar sebagai rakan strategik. Pertandingan ini merupakan pertandingan debat Bahasa Arab paling berprestij dengan penyertaan dari IPTA dan IPTS seluruh Malaysia selain terdapat wakil universiti dari negara jiran iaitu Indonesia dan Brunei yang melibatkan lebih 100 orang pendebat dan hakim.





tanpa sebarang bantuan daripada jurulatih mahupun akses kepada internet bagi membina kes dan menyiapkan penghujahan tentang sesuatu usul perdebatan. Sepanjang pertandingan, para peserta telah berdebat tentang pelbagai tema seperti teknologi, hiburan, keamanan, politik antarabangsa, sosial, ekonomi, alam sekitar dan sebagainya.

Pasukan UIAM terdiri daripada empat orang pendebat, Abdul Rahman Nur Muhammad, Ku Muhammad Hafiz Ku Husni, Aisyah Hanani Abdul Rahman dan Nur Nisa' Qistina Amran bertindak sebagai wakil pembangkang berjaya menewaskan perwakilan kerajaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Auditorium Utama UIAM Kampus Gombak, pagi semalam. Perlawanan akhir antara UIAM dan UKM membincangkan usul perdebatan sekitar isu ekonomi melibatkan *philanthrocapitalism*.

Sebelum layak ke pusingan akhir, pasukan UIAM menamatkan empat pusingan saringan sebagai juara liga serta berjaya menewaskan pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di pusingan separuh akhir. Dengan kejayaan tersebut, pasukan debat Bahasa Arab UIAM telah menempah tiket ke Qatar bagi mewakili Malaysia dalam Kejohanan Debat Universiti Antarabangsa kali ke-7 (IUDC) anjuran Pusat Debat Qatar yang dijadualkan berlangsung pada Mei 2024 nanti.

Selain tampil sebagai juara, pasukan UIAM juga telah dinobatkan sebagai antara lima pendebat terbaik keseluruhan bagi kejohanan tersebut. Aisyah Hanani Abdul Rahman telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik Keseluruhan IIADO 2023, manakala Abdul Rahman, Ku Muhammad Hafiz dan Ahmad Alif Halimi masing-masing merangkul tempat ketiga, keempat dan kelima pendebat terbaik keseluruhan.

Pasukan UKM yang telah muncul sebagai Naib Juara turut berbangga dengan pencapaian pendebatnya, Imran Sulaiman yang berjaya merangkul Anugerah Pendebat Terbaik Pusingan Akhir 2023. Pertandingan yang berlangsung selama 4 hari di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Gombak telah mengumpulkan lebih 20 pasukan dari universiti-universiti dalam dan luar negara.

Rata-rata peserta terutama peserta daripada universiti luar negara menyatakan rasa gembira atas peluang menyertai pertandingan. Mereka menghargai





berprestij seperti ini akan dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

SHARE

[f Facebook](#)

[Twitter](#)

[Pinterest](#)

[in Linkedin](#)

[« UIAM beri motivasi SMK Tun Perak selangkah ke universiti](#)

[‘Geng UIA’ kuasai Menteri, Timbalan Menteri Kerajaan Perpaduan »](#)

RELATED POSTS



[Students on hunger strike call for Brown University to divest from pro-Israel companies](#)



[Israel isn't complying with the International Court of Justice ruling — what happens next?](#)





Malaysian-owned Battersea Power Station named one of the 20 best cultural spots to visit by National Geographic







Proudly powered by [WordPress](#) | Theme: [Recent News](#) by [Candid Themes](#).

